

**ETOS MELAYU:
PERSPEKTIF ADAT PERPATIH**

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

**PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

1999




UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU


Oleh

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

Projek Sarjana ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 1998/99


Penyelia

27. 4. '99
Tarikh


Pemeriksa Kedua

20. 4. 1999.
Tarikh


Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

30 April '99.
Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober, 1998

ABDUL RAZAK BIN HJ LIDUN

A 6864

PENGHARGAAN

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha berkuasa dan layak menerima puji-pujian. Oleh itu saya bersyukur kerana limpah-Nya segala kekuatan fizikal dan mental dapat saya melengkapkan projek ini walaupun berhadapan dengan rintangan ketika kerja-kerja menyiapkannya.

Kepada Ketua Jabatan Persuratan Melayu, Profesor Madya Dr. Noriah Mohamed saya amat berterima kasih kerana sering memberi semangat dan dorongan kepada saya. Kepada pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Sidek Fadzil, saya banyak terhutang budi kerana kesabarannya dalam membimbing dan menasihati saya semasa kerja-kerja menyiapkan projek ini. Kepada Profesor Madya Dr. Amran Kasimin, Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napihah, Profesor Madya Dr. Shafie Abu Bakar, Dr. Hanafi Dolah , hatta kepada semua pensyarah Jabatan Persuratan Melayu saya amat terhutang budi . Kemesraan staf sokongan Jabatan Persuratan Melayu juga amat bernilai kerana menjadi sumber inspirasi yang kekal dalam kenangan saya buat selama-lamanya.

Akhirnya, kepada semua pihak yang turut serta memberi bantuan dan dorongan, saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan kepada Allah saya mengadu untuk ganjaran yang mutlak dan abadi.

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN
BT. 19 JALAN SEREMBAN
JELEBU.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat etos bangsa Melayu daripada perspektif Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar orang Melayu di Negeri Sembilan. Etos sesuatu bangsa itu sebenarnya berakar umbi sejak turun-temurun. Sehubungan itu, kajian ini akan memeriksa kata-kata adat yang menjadi rukun hidup masyarakat Adat Perpatih untuk dianalisis. Kajian ini bermatlamat untuk mengetahui sama ada Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan itu merupakan peraturan yang bersifat lengkap. Kajian ini juga ingin melihat Adat Perpatih yang menjadi pegangan orang Melayu Negeri Sembilan itu adakah dapat dianggap sebagai boleh diterimapakai dan dapat bertahan hingga hari ini. Akhirnya kajian ini ingin memeriksa adakah Adat Perpatih itu berlandas hukum Islam. Pada akhir kajian ini, didapati bahawa orang-orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelebu sebenarnya telah mempunyai sistem hidup yang begitu teratur dan lengkap yang menjadi asas kepada etos bangsa itu. Keputusan kajian menunjukkan pertama, Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di daerah Jelebu adalah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Kedua, Adat Perpatih mampu bertahan hingga ke hari ini, khasnya di daerah Jelebu kerana ia masih diamalkan dalam kehidupan seharian. Ketiga, Adat Perpatih yang menjadi pegangan sebahagian besar orang Melayu di daerah Jelebu tidak bercanggah dengan tuntutan agama Islam.

KANDUNGAN

Halaman

PENGAKUAN		ii
PENGHARGAAN		iii
ABSTRAK		iv
KANDUNGAN		v
 PENDAHULUAN		
0.1	Latar Belakang	vii
0.2	Penyataan Masalah dan Objektif Kajian	x
0.3	Kepentingan Kajian	xvi
0.4	Definisi Istilah	xvii
0.5	Batasan Kajian	xx
0.6	Metodologi Penyelidikan dan Teori	xxi
0.7	Kajian Lepas	xxvi
 BAB I:	ETOS DAN KEBUDAYAAN MELAYU	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Karya Sastera Tradisional Sebagai Sumber Etos Melayu	9
1.3	Kebudayaan Melayu dalam Konteks Zaman Kini	23
1.4	Kesimpulan	27
 BAB II:	ETIKA SOSIAL	
2.1	Pengenalan	29
2.2	Etika Sosial Adat Perpatih	33
2.3	Etika Pergaulan	38
2.4	Etika Berjiran	45
2.5	Etika Menuntut Ilmu	54
2.6	Etika Penghakiman	58
2.7	Kesimpulan	63

BAB III: ETIKA EKONOMI

3.1	Pengenalan	66
3.2	Etika Ekonomi Adat Perpatih	68
4.2.1	Nilai Maruah dalam Ekonomi	74
4.2.2	Nilai Kegigihan Mencari Harta	75
4.2.3	Nilai Muafakat	78
3.3	Ekonomi daripada Pandangan Islam	80
3.4	Kesimpulan	83

BAB IV: ETIKA POLITIK

4.1	Pengenalan	86
4.2	Etika Politik Adat Perpatih	89
4.2.1	Nilai Demokrasi	95
4.2.2	Nilai Mufakat	97
4.2.3	Nilai-Nilai Islam	98
4.3	Nilai Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih	100
4.4	Kesimpulan	104

PENUTUP	106
----------------	-----

BIBLIOGRAFI	119
--------------------	-----

LAMPIRAN 1	126
LAMPIRAN 2	127
LAMPIRAN 3	129

PENDAHULUAN

0.1 Latar Belakang

Negeri Sembilan terletak di Semenanjung Tanah Melayu (Malaysia Barat). Bahagian utaranya bersempadan dengan Negeri Selangor, timurnya dengan Negeri Pahang dan selatannya dengan Negeri Melaka. Sementara di bahagian baratnya dibatasi oleh Selat Melaka terletak Pulau Sumatera. Kedudukan Semenanjung Tanah Melayu dengan Pulau Sumatera yang begitu hampir memudahkan penghijrahan penduduk Sumatera ke Semenanjung Tanah Melayu.

Sehubungan itu, memang menjadi tradisi masyarakat Minangkabau, golongan remajanya digalakkan keluar merantau untuk mencari pengalaman dan harta. Bagi masyarakat Minangkabau pemuda yang tidak merantau pada usia mudanya akan mencacatkan martabat kaum kerabatnya. Oleh itu mereka biasanya akan merantau keluar dari daerah tempat asalnya dengan tujuan untuk memperkukuhkan martabat kaum kerabat agar setaraf dengan orang lain.¹ Peraturan menggalakkan pemuda

¹ Norhalim Hj Ibrahim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggung*, Fajar Bakti, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 75.

Minangkabau merantau ketika usia masih muda amat jelas dalam pantun yang sering dinyanyikan oleh ibu ketika anak-anak mereka masih kecil;

Keratau madang di hulu,

Babuah babungo balun,

Merantau bujang dahulu,

Di rumah baguno balun.²

Pada permulaanya, anak-anak muda Minangkabau ini merantau keluar daerah Alam Minangkabau yang terletak di Pulau Sumatera sahaja. Alam Minangkabau ini termasuk Sungai Pagu, Banda Sepuluh, Indrapura, Dua Belas Koto, Rantau Cati Nan Tigo, Kuantan, Indragiri, Kampar, Siak Sri Indrapura, Pasaman, Tikus-Pariaman dan Padang Tarusan.³

Selepas itu, anak-anak muda Minangkabau meluaskan kawasan rantau mereka keluar daripada daerah Alam Minangkabau. Istilah “rantau” bermaksud daerah tempat iliran sungai dan bermuara ke sebelah timur yang berbatasan dengan Selat Melaka dan Laut Cina Selatan, bahkan sampai ke Malaysia yang disebut Rantau nan Sambilan (Negeri Sembilan).⁴ Di Rantau nan Sambilan mereka membuka rantau Minangkabau termasuk di Naning, Melaka. Oleh itu, sehingga ke hari ini ada yang menganggap diri mereka sebagai keturunan Minangkabau. Ada pendapat bahawa

² Temubual dengan Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shamarudin pada 20 Jun 1998.

³ Norhalim Hj. Ibrahim, hlm. 77.

⁴ H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*, Remadja Karya CV, Bandung, 1984, hlm.22.

kedatangan orang Minangkabau ke Negeri Sembilan mungkin telah bermula sejak awal sejarah lagi berkemungkinan sekitar zaman terbinanya Candi Muaro Takuih, iaitu pada abad kesembilan Masihi. Ketika itu, Minangkabau belum lagi mengamalkan Adat Tuah Disakato susunan Sutan Balun (Datuk Parapatieh Nan Sebatang).⁵

Menurut Newbold⁶ Negeri Sembilan semasa kedatangan perantau Minangkabau ke Semenanjung Tanah Melayu, bukanlah kawasan yang tidak berpenghuni. Di situ telah pun ada anak watan setempat yang rata-rata terdiri daripada kumpulan-kumpulan orang-orang Asli. Kedatangan mereka ke Negeri Sembilan bersama-sama dengan sistem adat yang mereka warisi di Alam Minangkabau. Dalam hubungan ini, menurut Shamsul Amri Adat Perpatih yang telah diasaskan di Negeri Sembilan sebagai satu bentuk ideologi untuk melengkapi proses merantau para perantau yang berasal dari Minangkabau.⁷ Bertolak dari situ, Adat Perpatih yang mengambil sempena gelaran orang yang menyusur Adat Tuah Disakato yang diamalkan di Minangkabau, iaitu Datuk Parapatieh Nan Sebatang (Datuk Perpatih Nan Sebatang). Sehingga kini adat tersebut masih diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan.

⁵ Norhalim Hj Ibrahim, hlm. 78.

⁶ T.J.Newbold, dalam Norhalim, *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan Dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur, Fajar Bakti, 1993, hlm. 94.

⁷ Shamsul Amri Baharuddin. Feudal dalam Adat Perpatih, *Dewan Masyarakat*, 12(8), 1974, hlm. 32-33.

0.2 **Penyataan Masalah dan Objektif Kajian**

Adat Perpatih merupakan sistem hidup masyarakat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan sejak beberapa kurun yang lalu. Oleh itu adat ini menjadi asas kepada aktiviti harian masyarakat Melayu yang mengamalkan sistem Adat Perpatih ini. Dengan kata lain, sistem Adat Perpatih yang telah diamalkan oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan dapat dikatakan sebagai sumber *weltanschauung* orang Melayu di dalam lingkungan orang-orang Melayu Negeri Sembilan.

Sehubungan itu, Adat Perpatih ini dianggap sebagai salah satu adat yang unik. Keunikannya berdasar kepada sumber adat tersebut yang dibawa ke dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dari Tanah Minangkabau dan sistem nasab ibu yang diamalkan oleh masyarakatnya. Amalan seperti ini tidak terdapat di negeri-negeri lain di Malaysia.

Selain itu peraturan atau undang-undang dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan yang diungkapkan dalam pepatah-petitih mempunyai nilai-nilai kesenian dan falsafah yang tinggi. Seperti yang pernah dicatatkan oleh para sarjana, iaitu hasil sastra lama Melayu adalah pancaran masyarakat Melayu pada zaman tersebut. Maka mengkaji pepatah-petitih dalam Adat Perpatih ini dapat menyingkap tentang *weltanschauung* atau pandangan hidup masyarakat Melayu secara umum dan etos Melayu khususnya.

Apabila menyebut adat yang telah menjadi darah daging masyarakat Melayu Negeri Sembilan, iaitu Adat Perpatih masyarakat yang berada di luar lingkungan adat tersebut setengahnya berpendapat Adat Perpatih ini merupakan penghalang ke arah kemajuan orang Melayu itu sendiri. Mereka berpendapat adat yang diamalkan sejak beberapa generasi itu sudah ketinggalan zaman atau sudah lapuk dan tidak sesuai dipraktikkan pada zaman yang sedang menuju ke tahap ketamadunan yang lebih global.

Menurut Mahathir bin Mohamad di dalam bukunya *The Malay Dilemma*:

To complete the rehabilitation of the Malays there is a need for them to break away from custom or adat and to acquire new way of thinking and a new system of values. Urbanization will do this to a certain extent, but there must also be a conscious effort to destroy the old ways and replace them with new ideas and values.⁸

Daripada kenyataan di atas, persoalan yang mungkin timbul, apakah adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional selama ini, khususnya Adat Perpatih yang menjadi garis panduan hidup masyarakat Melayu Negeri Sembilan merupakan agen yang menyumbang kepada kemunduran orang-orang Melayu pada masa ini. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini menganggap senario yang berlaku pada hari ini

⁸ Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*, Federal Publications, Petaling Jaya, 1970, hlm. 113.

khususnya kemunduran orang-orang Melayu itu berpunca daripada ketidaklengkapan peraturan hidup yang disediakan oleh masyarakat Melayu tradisional khususnya masyarakat Adat Perpatih.

Sehubungan itu, Herbert Spencer menyatakan hidup merupakan penyesuaian antara faktor dalam dengan faktor luar dan masyarakat merupakan alat penyesuaian dengan alam keliling. Manakala manusia sebagai individu atau kumpulan memandang mustahak kepada cara-cara baru yang lebih baik dan berusaha memperbaharui idea dan emosi mereka, maka lama kelamaan cara-cara baru dan fikiran baru ini menjadi adat resam atau kebiasaan yang diperturunkan pula kepada generasi akan datang.⁹

Tegasnya, berpegang kepada andaian yang dibuat oleh Herbert Spencer itu, beliau beranggapan adat tradisional, pemikiran lama harus diganti sesuai dengan keadaan zaman. Sekiranya masyarakat tidak mahu atau tidak berani bertukar kepada sesuatu yang baru, mungkin faktor ini menyebabkan sesuatu bangsa itu akan ketinggalan dalam arus kemajuan.

Sementara itu, Syed Hussein Alatas menyatakan bahawa kebudayaan Melayu berdasarkan nilai-nilai yang beradab dan bersifat kemajuan. Keburukan-keburukan yang terjadi adalah penyelewengan-penyelewengan semata-mata yang terdapat di

⁹ Senu Abdul Rahman et.al, *Revolusi Mental*, Penerbitan Utusan Melayu, Kuala Lumpur, 1971, hlm. 13-14.

seluruh masyarakat di dunia.¹⁰ Sehubungan itu, menurut Datok Onn pula yang menghalang kemajuan masyarakat Melayu ialah orang-orang yang memegang tampuk pimpinan dalam masyarakat Melayu.¹¹

Berlandaskan kepada kenyataan di atas pula, tidak ada silapnya adat atau kebudayaan dan nilai-nilai dalam masyarakat Melayu tradisional yang mengakibatkan orang-orang Melayu itu mundur. Kemunduran dan keciciran orang-orang Melayu dalam kehidupan kerana perkara-perkara luar daripada kebudayaan masyarakat itu. Ini bersesuaian dengan pendapat yang diketengahkan oleh Sayid Jamaluddin kebanggaan terhadap kaum sendiri akan menimbulkan hasrat berlumba-lumba untuk mencapai segala kebaikan. Sebaliknya, jika sesuatu bangsa itu merasa rendah diri, ragu-ragu akan kelebihanannya, bangsa itu akan dihindangi penyakit lemah semangat, kurang usaha mencapai kebaikan, rendah kedudukannya, hidup dalam suasana melarat, terjajah dan terhina.¹²

Bertitik tolak daripada pendapat Herbert Spencer dan Syed Alatas tentang kemunduran orang Melayu, permasalahan yang timbul ialah apakah Adat Perpatih yang diamalkan masyarakat Negeri Sembilan itu agak longgar dan tidak mantap dalam peraturan-peraturan kehidupan seharian mereka? Dengan kata lain, masyarakat

¹⁰ Hussein Alatas, Syed, *Siapa Yang Bersalah*, Pustaka National, Singapura, 1972, hlm. 3.

¹¹ Ibid, hlm. 2.

¹² Ibid, hlm. 2.

Melayu tradisional Negeri Sembilan tidak mempunyai suatu pegangan yang kukuh dan tahan uji. Permasalahan ini perlu dibicarakan secara ilmiah menerusi kajian dan pemerhatian.

Malah ada pula yang berpendapat Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu Negeri Sembilan itu bertentangan dengan hukum Islam, sedangkan pada pendapat masyarakat Adat Perpatih mereka berpegang kepada prinsip yang menyatakan bahawa :

Adat bersendikan syarak

Syarak bersendikan Kitabullah

Syarak mengata

Adat memakai¹³

Persoalan tentang pertentangan adat dengan hukum Islam ini merupakan satu perbincangan yang agak *kontroversial* yang perlu diselesaikan. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini berhubung-kait dengan permasalahan yang telah dipaparkan di atas. Ada tiga objektif utama kajian ini dilakukan. Objektif pertama ialah untuk mengetahui adakah Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan itu merupakan peraturan yang bersifat *komprehensif*. Kajian ini akan mengutip dan menganalisis perbilangan adat yang menjadi pegangan orang Melayu di Negeri Sembilan dan mendapatkan kesimpulan apakah adat tersebut mencakupi aspek

¹³ Temubual dengan Dato' Megat Hj Lidun Mohamad pada 20 Mei, 1998.

ekonomi, sosial dan politik yang mendasari keperluan asas dalam kehidupan sesebuah masyarakat itu.

Tujuan kedua kajian ini dilakukan ialah untuk mengetahui adakah Adat Perpatih yang menjadi landasan kukuh orang Melayu Negeri Sembilan itu dapat dianggap sebagai boleh diterimapakai dan dapat bertahan sehingga hari ini. Oleh itu kajian ini akan menilai kata-kata adat yang diamalkan orang Melayu Negeri Sembilan apakah adat tersebut bersesuaian dalam peredaran zaman. Sekiranya adat ini mampu memainkan peranannya dalam membawa masyarakat ke arah halatuju selari dengan peredaran masa dan zaman sekaligus dapat menangkis anggapan yang menyatakan kemunduran orang Melayu kerana adat lapuk dan usang yang mempengaruhi ideologi dan tatahidup sehingga mereka tiada mempunyai wawasan yang jelas dalam kehidupan mereka.

Tujuan ketiga ialah untuk mendapat maklumat tentang adakah adat yang dibawa dari bumi Minangkabau itu berlandaskan hukum Islam. Sehubungan itu, kajian ini akan membandingkan kata-kata yang terdapat dalam adat orang-orang Melayu Negeri Sembilan dengan ajaran Islam itu sendiri. Kajian ini untuk mencari jawapan yang konkrit tentang pendapat yang menyatakan Adat Perpatih itu tidak berlandaskan hukum-hukum Islam.

0.3 Kepentingan Kajian

Kajian tentang Adat Perpatih yang merupakan identiti masyarakat Melayu Negeri Sembilan telah banyak dilakukan oleh penyelidik-penyelidik di negara ini mahupun dilakukan para penyelidik budaya dari luar negara. Adat Perpatih ini menjadi begitu menarik dibuat kajian kerana ia dilihat dari pelbagai bidang seperti sosiologi, antropologi, sejarah, undang-undang dan ekonomi.

Sehubungan itu, kajian ini berfokus kepada aspek etos Melayu dari perspektif Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang Melayu di Negeri Sembilan. Kajian ini akan menjurus kepada pandangan hidup masyarakat Melayu dalam sistem nilai berlandas bukti-bukti yang boleh ditakrif dan diterjemahkan melalui kata-kata adat yang terkandung dalam adat yang menjadi amalan kelompok masyarakat berkenaan. Seperti yang dikatakan oleh para sarjana yang mengkaji hasil-hasil kesusasteraan klasik, hasil karya tradisional Melayu merupakan pancaran masyarakat Melayu sezaman. Dengan kata lain, segala pepatah-petitih yang terdapat dalam Adat Perpatih ini akan dianalisis dan diterjemahkan untuk melihat falsafah pemikiran masyarakat Melayu yang kemudiannya disimpulkan sebagai *weltanschauung* Melayu khususnya masyarakat Melayu Negeri Sembilan dan masyarakat Melayu secara keseluruhannya.

Kajian ini penting untuk mencari landasan yang kukuh sama ada Adat Perpatih yang diamalkan sejak turun-temurun oleh masyarakat Melayu di Negeri Sembilan itu lengkap yang mencakupi segala aspek kehidupan dalam masyarakat pada masa itu,

hari ini dan akan datang. Sekiranya Adat Perpatih itu lengkap dan mengizinkan masyarakat yang mengamalkan adat tersebut meneruskan kesinambungan dalam menongkah arus pembangunan dan pemodenan, maka tidak dapat dipersalahkan bahawa adat itu yang menghalang kemajuan orang-orang Melayu pada hari ini.

Kajian ini juga penting dalam menilai *weltanschauung* Melayu dan kemudiannya untuk membuktikan bahawa orang-orang Melayu tradisional itu sememangnya telah mempunyai *misi* dan *visi* yang mantap dengan asas-asas yang telah dibina oleh Adat Perpatih. Sekiranya terbukti bahawa Adat Perpatih yang menjadi garis panduan hidup masyarakat Melayu tradisional di Negeri Sembilan itu mencakupi segala aspek kehidupan, maka dengan sendirinya dapat menafikan pendapat Snouck Hurgronje dan golongan orientalis untuk melemahkan semangat orang Melayu dengan melabelkan bahawa mereka adalah satu bangsa yang dungu, bebal dan malas.¹⁴

0.4 Definisi Istilah

Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang kerap digunakan di pelbagai tempat. Istilah-istilah tersebut perlu diperjelaskan supaya dapat difahami maksud sebenar seperti yang dikehendaki.

¹⁴ Mustafa Haji Daud, *Tamadun Islam*, Utusan Publications and Distributor, Kuala Lumpur, hlm. 220.

Suku:

Anggota masyarakat yang terbentuk daripada kelompok keturunan yang berasal sejurai keturunannya daripada pihak ibu. Dalam konteks masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan terdapat dua belas suku, iaitu:

1. Biduanda
2. Batu Hampar
3. Mungkal
4. Sri Lemak
5. Paya Kumbuh
6. Tiga Nenek
7. Sri Melenggang
8. Batu Belang
9. Tanah Datar
10. Anak Aceh
11. Anak Melaka
12. Tiga Batu

Perut:

Perut adalah kelompok anggota masyarakat yang mempunyai hubungan dan salsilah yang dapat digalurkan dengan jelas dari nenek moyang yang sama.

Anggota dalam perut ini mempunyai hubungan yang amat rapat kerana pertalian darah yang jelas daripada keturunan nasab ibu.

Dengan kata lain, perut merupakan satu organisasi sosial. Ia adalah kelompok anggota masyarakat yang benar-benar mempunyai hubungan dan salsilah yang dapat digalurkan dengan jelas sehingga tujuh generasi dari nenek moyang yang sama.

Adat Perpatih:

Adat Perpatih adalah peraturan hidup ciptaan Dato Papatih Nan Sebatang yang dibawa oleh suku Minangkabau ke Tanah Melayu dan ia merupakan undang-undang yang tidak bertulis. Undang-undang tersebut berperanan untuk membendung perlakuan dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan anggota masyarakatnya.

Adat Perpatih juga merupakan satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga,

bermasyarakat dan bernegara yang dikawal oleh peraturan-peraturan hidup sehari-hari.

0.5 Batasan Kajian

Bahan yang dijadikan kajian untuk dianalisis dalam Adat Perpatih ini ialah kata-kata pepatah-petitih yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu di daerah Jelevu. Kata-kata yang terdapat dalam Adat Perpatih ini terlalu banyak jumlahnya dan kajian ini akan memaparkan sejumlah daripadanya yang relevan dengan aspek yang akan diperkatakan, iaitu aspek ekonomi, sosial dan politik. Kata-kata adat yang dipilih itu dapat mewakili pemikiran keseluruhan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Lebih luas lagi, pepatah-petitih yang menjadi sebahagian daripada peraturan dan budaya orang-orang Melayu Negeri Sembilan dapat diangkat sebagai mewakili pandangan hidup orang-orang Melayu keseluruhannya.

Sehubungan dengan kata-kata adat ini, menurut ZA'BA, pepatah Adat Perpatih ini digolongkan kepada bentuk bahasa gurindam. Menurut beliau gurindam suatu jenis syair melarat yang tiada tetap sukatnya atau rangkapnya, isinya mengandungi fikiran-fikiran yang bernas dengan bahasa yang riang dan suka sebagai nyanyian.¹⁵ Berdasar kepada pandangan ini, maka dapat dikatakan bahawa kata-kata adat dalam Adat Perpatih ini merupakan hasil kesenian dan kesusasteraan orang-orang Melayu lama. Selain daripada keindahan bentuk bahasanya, pepatah-petitih tersebut

¹⁵ ZA'BA, *Ilmu Mengarang Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1965, hlm. 242.

mempunyai nilai falsafah yang sangat tinggi. Secara tidak langsung, dapat disimpulkan bahawa orang-orang Melayu mempunyai keupayaan menyampaikan idea yang bernas dengan kata-kata yang indah, berkesan dan mempunyai daya sensitiviti yang tinggi.

Seperti yang dikatakan di atas, pepatah yang terdapat dalam Adat Perpatih ini terlalu banyak jumlahnya. Bagi tujuan kajian ini, tumpuan hanya kepada pepatah-pepatih yang bersangkutan dengan aspek politik, ekonomi dan sosial sahaja. Berdasarkan kata-kata adat yang berbentuk gurindam dalam aspek-aspek tersebut akan ditentukan pandangan hidup "*world-view*" orang Melayu khususnya masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Setelah dibuat analisis segala bahasa perbilangan dalam Adat Perpatih tersebut, akan ditentukan pula kaitannya dengan cara hidup (*way of life*) yang disarankan dalam ajaran Islam. Hasilnya akan dapat ditentukan apakah terdapat keselarisan Adat Perpatih dengan yang digariskan oleh Islam sebagai al-Din. Hal ini penting bagi menjawab persoalan-persoalan yang mengatakan Adat Perpatih tidak seiring dengan kehendak agama Islam seperti yang sering digembar-gemburkan oleh kebanyakan orang.

0.6 Metodologi Penyelidikan dan Teori

Bagi mencapai objektif-objektif tersebut kajian perpustakaan dan kajian lapangan (*field work*) akan digunakan. Oleh itu untuk mendapatkan sejumlah kata-kata adat yang dijadikan panduan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu

Negeri Sembilan, pengkaji akan merujuk buku-buku yang berkaitan untuk tujuan pengumpulan pepatah-petitih dalam Adat Perpatih. Kata-kata adat itu akan dikategorikan kepada tiga aspek, iaitu politik, ekonomi dan sosial.

Selepas mengenalpasti kategorinya, pengkaji akan mengadakan sesi temubual tidak formal dengan beberapa orang tokoh adat di daerah Jelevu bagi mendapatkan penjelasan maksud yang tersurat dan tersirat dalam kata-kata adat tersebut (lihat Lampiran 1). Tokoh-tokoh yang dipilih ialah tokoh-tokoh yang dikenalpasti oleh pengkaji sebagai orang yang berkaliber sekaligus sebagai pengamal adat berkenaan di daerah Jelevu. Dengan kata lain tokoh tersebut terlibat secara langsung dalam perjalanan adat dan mempunyai hubungan langsung dengan institusi adat di daerah Jelevu (lihat Lampiran 2). Tujuannya ialah untuk mendapatkan fakta yang tepat dan dapat dipertanggungjawabkan.

Sehubungan itu, bagi mencapai objektif kajian ini, alat (*tools*) yang digunakan sebagai kayu pengukur ialah berdasarkan buku-buku yang tertulis berkaitan dengan adat tersebut dan menganalisis kenyataan tersebut kemudian membuat perbandingan dengan firman Allah dan hadis. Selanjutnya, bagi memantapkan lagi rumusan yang dibuat berdasarkan kajian perpustakaan, sesi temubual dengan pengamal-pengamal Adat Perpatih dan tokoh-tokoh agama akan diadakan untuk mendapatkan pandangan mereka.

Sehubungan itu, sesuatu kajian tidak sempurna tanpa disokong dengan teori-teori yang berkaitan. Walau bagaimanapun dalam menentukan landasan kajian tidak ada teori yang tertentu yang perlu digunapakai. Oleh itu, dalam konteks untuk melihat etos bangsa Melayu ini, beberapa teori yang difikirkan relevan akan diterapkan bagi menyokong kajian ini. Berkaitan dengan perkara ini, Abdullah Jumain Abu Samah menyebutkan:

Seperti yang dapat dilihat dari keterangan Peldo tidak ada sesuatu acuan yang tertentu atau bersifat tetap untuk digunakan bagi sesuatu penyelidikan. Tiap-tiap penyelidikan memperlihatkan sesuatu corak yang tertentu sesuai dengan sesuatu penyelidikan itu sendiri. Ini bererti bahawa corak (termasuk metodologi) bagi sesuatu penyelidikan adalah disusun atau dirangka mengikut cara-cara yang difikirkan paling baik menggerakkan kajian ke arah matlamat yang hendak dicapai.¹⁶

Berdasarkan pandangan di atas, oleh kerana kajian yang dilakukan ini berkaitan dengan hal-hal kemasyarakatan yang menyentuh kebudayaan, teori yang difikirkan sesuai ialah teori sosiologi. Teori sosiologi ini digunapakai untuk kajian ini

¹⁶ Abdullah Jumain Abu Samah, *Asal-Usul Adat Perpatih Dan Adat Temenggung: Satu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berasaskan Strukturalisme*, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1995, hlm. 11.

kerana perkara-perkara yang diperkatakan adalah menggarap aspek sosial, ekonomi dan politik. Justeru itu, bidang sosiologi adalah berkaitan rapat dengan kajian ini kalau dilihat dari pengertian sosiologi itu sendiri:

Sociology is the scientific study of the structure, the functioning and the changes in human groups.¹⁷

Oleh itu, teori sosiologi dapat dijadikan sandaran dalam memperkatakan tentang etos Melayu kerana kewajarannya diperjelaskan seperti berikut:

Other areas investigated by sociologists include racial and ethnic relationships, prejudice and discrimination, power and politics, jobs and income, families and family life, school systems and the educational process, social control, organizations, bureaucracies, groups and group dynamics, leisure, health, military systems, women's movements, and labor movements.¹⁸

Sehubungan itu, pendekatan sosiologi itu sendiri sebenarnya terdapat beberapa teori yang dikemukakan, antaranya ialah:

¹⁷ J.R. Eshleman & B. G. Cashion, 1985, *Sociology: An Introduction (2 nd. Edition)*, Canada, Little, Brown and Company, hlm. 2.

¹⁸ Ibid, hlm. 7-8.

1. Teori Evolusi
2. Teori Konflik
3. Teori Fungsi Struktural
4. Teori Intraksi Simbolik
5. Teori Perubahan

Walau bagaimanapun, untuk tujuan kajian ini, teori fungsi struktural akan digunakan sebagai sandaran kajian. Teori ini juga dikenali sebagai Teori Sistem Sosial (*Social Systems Theory*). Teori ini menjadi asas ahli-ahli sosiologi yang terawal seperti Max Weber dan Emile Durkheim. Bagi ahli sosiologi yang berpegang kepada teori ini, mereka beranggapan bahawa:

A structural-functionalist is a sociologist who is interested in understanding how each of society's structures performs a useful function for the society. The structural-functionalist argues that if a certain phenomenon (religion, prostitution, bureaucracy) continues to exist within a society, then it must contribute to the well-being of that society or else it would disappear from disuse.¹⁹

¹⁹ R. C. Federico, *Sociology (Second Edition)*, Addison-Wesley Publishing Company, Canada, 1979, hlm. 12.

Menyentuh perkara yang sama, J. Ross Eshleman Dan Barbara G. Cashion pula menyatakan:

Sociologist who adhere to the functionalist perspective examine the parts of a given system and try to determine how they are related to one another and to the whole. They observe the results of a given cluster or arrangement of part, attempting to discover both the intended (manifest) and the unintended (latent) functions of these parts.²⁰

Berasaskan kepada ciri dan kesesuaian untuk kajian ini, teori ini dipilih untuk dijadikan landasan membincangkan aspek etos Melayu yang menggarap aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik. Tegasnya, berlandaskan teori tersebut akan membantu kajian ini mencapai matlamat dan objektifnya.

0.7 Kajian Lepas

Sebenarnya pendokumentasian tentang Adat Perpatih yang dipegang oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan ini telah bermula semenjak zaman pemerintahan Inggeris di Malaya lagi. Walau bagaimanapun tulisan-tulisan mereka tentang adat tidak

²⁰ J.R. Eshleman & B. G. Cashion, hlm. 41.

dilakukan secara ilmiah tetapi melalui pemerhatian mereka yang bertugas sebagai pegawai tadbir di Tanah Jajahan di Malaya ketika itu.

Rencana-rencana berkenaan masyarakat beradat Perpatih di Negeri Sembilan yang paling awal ditulis terdapat dalam *Journal of the Malayan Branch Royal Asiatic Society* dan *Papers On Malay Subjects* yang kebanyakannya ditulis oleh “*Scholar Administrator*” dari Barat.²¹ Dengan itu, jelas pegawai-pegawai dagang Inggeris mempunyai minat yang mendalam tentang Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan. M.G. Swift misalnya telah menulis *Malay Peasant Society in Jelebu*. Beliau merupakan penulis barat yang menulis tentang masyarakat beradat perpatih di Negeri Sembilan, dan beliau juga penulis yang pertama membuat suatu kajian ilmiah berkenaan masyarakat tersebut dengan menggunakan kajian *field-work*.²²

Seperti yang dinyatakan penulis-penulis barat “*scholar administrector*” yang menulis tentang Adat Perpatih ini tidak melaksanakan secara penulisan Ilmiah. Oleh itu sebahagian besar penulis barat ini memperkatakan tentang sejarah masyarakat itu, perkembangan adatnya terutama yang berkaitan dengan perwarisan harta dan jawatan-jawatan adat dan juga struktur masyarakat itu dari segi kekeluargaan, perkahwinan dan ekonomi.²³ Sehubungan itu juga, penulis barat menggambarkan masyarakat di

²¹ Azizah Kassim, Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, Tesis M.A., Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 1.

²² A.Kahar Bador, dalam Azizah Kassim, Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan, 1969, hlm. 3.

²³ Azizah Kassim, hlm. 1.

Negeri Sembilan ini sebagai masyarakat "*matriarchal*". Masyarakat *matriarchal* ialah suatu keadaan di mana dalam sesuatu masyarakat itu wanita-wanitanya berkuasa baik dalam bidang politik atau rumah tangga. Antara penulis barat yang menyentuh perkara ini ialah E.N. Taylor yang menulis tentang "*Customary Law of Rembau*" dalam JMBRAS, Vol.7, 1929 dan "*Malay Family Law*" dalam JMBRAS, Vol.15, 1937 menyebut Adat Perpatih sebagai "*matriarchy*".²⁴

Selain daripada menganggap masyarakat Negeri Sembilan sebagai masyarakat *matriarchal*, A.I. Richards mengulas tentang peranan anggota dalam masyarakat Negeri Sembilan:

He may have sex access to his wife at night and work in her fields, but set as head of his sisters house and spend a large part of his day with the latter. This is the practice of the matriachal Minangkabau of the Padang Highlands of Sumatera and the kindred peoples of Negeri Sembilan.²⁵

Pendeknya, penulis-penulis yang dianggap sebagai "*scholar Administrator*" yang mencatatkan tentang Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan ini telah memberi satu gambaran yang salah dan mengelirukan. Perkara ini kemungkinan berlaku orang-orang barat menghadapi kesukaran dalam

²⁴ Ibid, hlm. 4

²⁵ Ibid, hlm. 6

memahami budaya orang-orang Melayu yang mana budaya mereka adalah berbeza. Ini diakui sendiri oleh orang-orang barat seperti yang dinyatakan oleh A.H. Johns :

The European student of Malay faces various problems when he attempts to come to terms with Malay Literature. These problems have to do with his mastery of the Malay Language, his understanding of Malay society and its values, and his expectations and assumptions of what a literary work should be. They are compounded by the rapid changes taking place in the Malay world: in language, in society and in the evolving ideas and expectations of literature among the speakers of Malay themselves.²⁶

Oleh itu orang yang di luar lingkungan pengamal adat akan membuat taksiran yang salah terhadap Adat Perpatih itu secara dasarnya. Lanjutan daripada itu, banyak kajian yang dilakukan oleh para pengkaji tempatan yang bersifat ilmiah dan memperbetulkan salah tanggapan terhadap amalan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu Negeri Sembilan . Dalam masa yang sama pengkaji-pengkaji Adat Perpatih tersebut menyingkap falsafah yang terkandung dalam adat tersebut yang kebanyakan orang membuat tafsiran yang tersurat dan mengabaikan perkara yang tersirat.

²⁶ A.H. Johns, " Cultural Options and The Role of Tradition: Fecundation of a New Malay Poetry" dalam *Bahasa Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, Kuala Lumpur, 1975, hlm. 93.

Azizah Kassim dalam kajian beliau mendapati bahawa tanggapan sesetengah penulis Barat yang menganggap wanita Negeri Sembilan itu berkuasa dalam semua bidang, baik politik ataupun rumah tangga adalah tidak benar. Menurut kajian beliau, kaum lelaki masih menjadi ketua keluarga dan kaum wanita pula mereka sama sebagaimana wanita-wanita di negeri-negeri lain.²⁷ Dengan kata lain, dapatan daripada kajian beliau ialah tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa wanita-wanita adalah lebih berkuasa dari pihak lelaki di dalam bidang apa sekali pun.

Seperti yang dinyatakan terdahulu, perbincangan dan kajian tentang Adat Perpatih ini dilakukan dalam pelbagai bidang ilmu. Habibah Zainudin²⁸ telah menjalankan kajian tentang Adat Perpatih ini dari sudut pandangan Islam dan masyarakat Rembau. Dalam kajian yang telah dibuat, beliau mendapati bahawa dalam beberapa segi Adat Perpatih tidak dapat dianggap sebagai adat yang sah dan diterima di sisi Islam, kecuali kalau dasar dan prinsip yang bertentangan dapat ditinggalkan atau dipinda dari adat tersebut.

Sehubungan itu juga, beberapa kajian lain yang berkaitan dengan Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan telah dilakukan. Misalannya Ibrahim Abdullah²⁹ telah membuat penelitian tentang Sistem

²⁷ Azizah Kassim, hlm. 6.

²⁸ Habibah Zainudin, Adat Perpatih Pandangan Islam dan Masyarakat Rembau, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978/79.

²⁹ Ibrahim bin Abdullah, Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78.

Suku Adat Perpatih di Rembau. Sementara itu Othman Hj Abu Bakar ³⁰telah membuat kajian tentang Sejarah Jelevu daripada aspek sosial, ekonomi dan politik.

Tegasnya, Adat Perpatih ini ternyata banyak menarik minat para pengkaji. Ini jelas banyak kajian tentangnya telah dilakukan di peringkat Latihan Ilmiah oleh mahasiswa universiti tempatan. Walau bagaimanapun, kajian yang dilakukan di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah belum begitu banyak. Dengan kata lain masih banyak ruang yang belum dikaji dalam Adat Perpatih ini oleh pengkaji-pengkaji.

³⁰ Othman Haji Abu Bakar, *Sejarah Jelevu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Ekonomi dan Politik, 1850-1900*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1976/1977.

Bibliografi

Buku

- Abdullah Jumain Abu Samah. 1995. *Asal-Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Satu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berasaskan Strukturalisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Hassan Din. 1990. *Ke Arah Keimanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abul A'la Al-Maududi. 1983. *Pokok Pandangan Hidup Muslim (Terjemahan)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Mohd Saleh. 1998. *Pendidikan Islam: Dinamika Guru Jilid I*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Alan R. B. 1993. *Politik dan Kerajaan Modern (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albrecht, M. C. 1978. The Relationship of Literature and Society. Dalam Peter Davidson, Rolf Meyersolin and Edward Shils (ed.). *The Sociology, Literature Taste, Culture and Mass Communication*. Vol. 6. Cambridge: Chadwyck Healey.

- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: P.T. Gunung Agung.
- Eshleman, J. R. & Cashion, B. G. 1985. *Sociology (2nd. Edition)*. Boston: Little Brown and Co.
- Federico, R. C. 1979. *Sociology*. Philippines. Addison Wesley Publishing Co.
- Francois-Rene Daillie. 1990. *Alam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1984. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remadja Karya CV.
- HAMKA. 1984. *Islam dan Minangkabau* . Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hashim Awang. 1988. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Alatas ,Syed. 1972. *Siapa Yang Bersalah*. Singapura: Pustaka National.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1974. *Sastera Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Johns, A.H, Cultural Options and The Role of Tradision: Fecundation of a New Malay Poetry dlm. *Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu*: 93. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan , Belia dan Sukan. .
- Kirkpatrick ,E..M. (Edited). *Chambers 20th Century Dictionary (New Edition)*.
- Mahathir bin Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Petaling Jaya: Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1980. Masyarakat, Kebudayaan dan Kesusasteraan dalam Ayob Yamin dan Hamzah Hamdani (pngr). *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1979. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham. 1975. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abul Quasem. 1975. *The Ethics of Al-Ghazali A Composite Ethics In Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad.
- Muhammad Al-Buraey. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Newbold, T.J. 1993. Dalam Norhalim Hj Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti .
- Nordin Selat. 1982. *Renungan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- R.H.A. Soenarjo S.H.. 1971. *Al-Quran dan Terjemahan*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/ Pentafsir Al-Quran.
- S. Takdir Aliasjahbana, 1971, *Puisi Lama*, Petaling Jaya: Zaman Baru.
- Senu Abdul Rahman , Ali Haji Ahmad, Rais Saniman, Abdullah Haji Ahmad, Raja Mohd Affandi, Taib Osman, Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang, Kahar Bador, Wan Ismail Wan Mahmud, Raja Azman Raja Ismail, Hamzah Alang, Omar Osman, Ali Abdullah, Buyong Adil. 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. 1991. Karya Sastera Sebagai Bahan Pengajaran dan Pendidikan dlm. *Sastera Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Soerjono Soekanto, SH. MA. 1988. *Memperkenalkan Sosiologi*. Edisi Baru. Jakarta: CV Rajawali.
- ZA'BA. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis, Latihan Ilmiah dan Kertas Kerja

- Abdul Samad Idris. 1984. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia,
3-5 Mei 1984.
- Abdul Samad Idris 1996. Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya.
Kertas Kerja Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan, 24 Julai.

- Azizah Kassim. 1969. Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. *Tesis M.A.* Universiti Malaya.
- Djafri Datuk Bandaro Lubuk Sati. 1990. Hukum Adat Minangkabau. Rapat Kerja Daerah Pengadilan Tinggi dan Para Ketua/Hakim Pengadilan Negeri Se Sumatera Barat, Padang pada 21-23 Nopember.
- Habibah Zainudin . 1978. Adat Perpatih; Pandangan Islam dan Masyarakat Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim bin Abdullah. 1977. Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Malaya.
- Nor Hasiah bt. Harun. 1990. Nilai Etika dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .
- Othman Haji Abu Bakar. 1977. Sejarah Jelebu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Ekonomi dan Politik, 1850-1900. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Fadzil. 1995. Budaya Sebagai Wahana Kebangkitan Bangsa. Kertas Kerja Seminar Mengenai Kebudayaan Kebangsaan . Hotel Princess, 12-13 Disember.
- Sidiq Fadzil. 1997. Fleksibiliti Adat Perpatih dalam Proses Islamisasi. Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih. Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan , 24-25.

Zainal Kling. 1984. Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan . Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .

Majalah / Akhbar / Ucapan

Azman Ismail. 1999. Kehebatan Karya Agung. *Mingguan Malaysia*, April: 28.

Berita Harian, 6 September, 1997.

Hanafi Dolah.1982. Institusi Perhambaan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisis dari Segi Teori Nilai dalam Malaysia dari Segi Sejarah . Kuala Lumpur:

Hashim Yaccob. 1993. Sastera Milik Kita Semua. *Dewan Sastera*, November.

Hassan Ahmad. 1997. Kebangkitan Melayu. *Dewan Budaya*. Bil. 7. Jilid 19. Julai.

Kamaruddin Hj. Kachar . Ucapan Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan pada 3-5 Mei 1984. Universiti Pertanian Malaysia.

Mahathir Mohamad . Ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ke-40. Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 5 September, 1997.


Persatuan Sejarah Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin, Feudal dalam Adat Perpatih, 12(8), 1974, hlm. 32-33.

Tun Abdul Razak bin Hussen. Ucapan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos, 1971.

Temu bual

1. Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad. 1998. Jelevu, 20 Mei.
2. Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf. 1998. Jelevu, 25 Mei.
3. Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman. 1998. Jelevu, 1 Jun.
4. Dato' Ombi Abdul Ghani bin Dato' Shamarudin. 1998. Jelevu, 20 Jun.
5. Dato' Chenchang Hj Othman bin Sirun. 1998. Jelevu, 25 Jun.
6. Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusuf. 1998. Jelevu, 28 Jun.
7. Hj. Muhammad bin Yassin. 1998. Seremban, 10 September.
8. Hj. Ariffin bin Omar. 1998. Seremban, 25 September.



II MU MEMIMPIN

يونيورسيتي كينغسان مليسيا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

TELEGRAM "UNIKEB" TEL: 03-8250001, 8250601, 8250701

TELEX UNIKEB MA 31496 FAX:

125

LAMPIRAN 1

Pejabat Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

UKM 1.8.8/207/3 Jld. IV
5 September 1998

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

Kebenaran Membuat Kajilidikan

Saudara *Abdul Razak bin Lidun (Matrik A 6854)* ialah seorang mahasiswa di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewasa ini beliau sedang membuat kajilidikan dalam bidang "*Etos Melayu Daripada Perspektif Adat Perpatih*." Untuk tujuan ini diharap dapat kiranya tuan/puan memberikan kerjasama serta nasihat yang diperlukan olehnya.

2 Di atas segala bantuan dan pertolongan pihak tuan/puan, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Prof. Madya Dr. Noriah Mohamed
Ketua
Jabatan Persuratan Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN 2**SENARAI TOKOH YANG DITEMUBUAL****1) Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shamarudin**

Beliau dilahirkan pada tahun 1932 di Jelebu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Menengah King George V (KGV) Seremban, Negeri Sembilan sehingga tamat Senior Cambridge. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura dalam Jurusan Perubatan (1954-58) tetapi tidak sempat menghabiskan pengajiannya. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Beliau banyak menghasilkan rencana-rencana terutamanya tentang budaya dan pada masa yang sama banyak menterjemahkan buku teks Sains bahasa Inggeris ke bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar sekolah menengah.

Dalam adat Jelebu, beliau kini memegang Jawatan Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Ombi.

2) Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman

Beliau dilahirkan di Jelebu, Negeri Sembilan. Tamat sekolah Melayu. Pernah bertugas sebagai anggota Polis Di-Raja Malaysia. Kini beliau memegang jawatan adat sebagai Dato' Raja Balang.

3) Dato' Chenchang Hj Othman bin Sarun

Beliau dilahirkan di Jelebu. Tamat sekolah Melayu. Seorang peniaga. Dalam adat beliau menjawat jawatan sebagai Dato' Chenchang Maharaja Lela.

4) Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusof

Beliau dilahirkan di daerah Jelebu. Persekolahan sehingga tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau memegang jawatan Dato' Lembaga bergelar Dato' Mengiang Merah Bangsa.

5) Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad

Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di Jelebu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat Jelebu beliau memegang jawatan Buapak bergelar Dato' Megat.

6) Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusof

Dilahirkan pada tahun 1922 di Jelebu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau kini menjawat jawatan Buapak bergelar Dato' Beremban.


7) Ustaz Hj Ariffib bin Omar

Bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Agama dan Tamaddun Islam Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Kahirah, Mesir. Sering muncul di Radio Malaysia, Negeri Sembilan menyampaikan ceramah agama

8) Hj Muhammad Salleh bin Hj Yassin

Dilahirkan pada tahun 1943. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir Dan memperolehi ijazah BA dalam jurusan Syariah. Pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Agama Dan Tamaddun Islam di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Kerap menyampaikan ceramah agama melalui Radio Malaysia Negeri Sembilan. Selepas bersara dari Perkhidmatan Kerajaan kini beliau memberikan khidmatnya sebagai Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

LAMPIRAN 3



**HIRAKI KEPIMPINAN DALAM SISTEM POLITIK MASYARAKAT
MELAYU ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN**